

# Tragedi tanah runtuh: Ibu reda anak maut tertimbus



**RUMAH** yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh berhampiran Rumah Pangsa Taman Elok Bukit Nenas di Kota Kinabalu semalam. Gambar kecil: Razma Botong.

**KOTA KINABALU:** “Semasa anak saya ditemukan di bawah runtuhan tanah, saya berharap dia masih boleh diselamatkan. Namun, ternyata Allah lebih menyayanginya.”

Demikian kata Razma Botong, 36, yang sempat memeluk tubuh anak bongsunya buat kali terakhir selepas mangsa ditemukan dalam kejadian tanah runtuh yang berlaku semalam.

Bagaimanapun, anaknya, Norain Julaziz, 11, disahkan meninggal dunia bersama sepupunya semasa menerima rawatan di Hospital Queen Elizabeth.

Beliau berkata, sembilan ahli keluarga termasuk tiga anaknya tertimbus di bawah runtuhan rumah itu. Namun, hanya Norain dan bayi lelaki berusia dua tahun tidak berjaya diselamatkan.

“Semasa kejadian, saya baru pulang daripada kerja dan terkejut melihat keadaan rumah bapa sudah roboh akibat tanah runtuh. Ketika itu, orang ramai sudah mula mengerumuni rumah tersebut.

“Apabila dimaklumkan anak perempuan saya berada di bawah runtuhan, saya meletak harapan yang tinggi agar dia ditemukan

dalam keadaan masih hidup.

“Anak saya adalah mangsa terakhir ditemukan daripada empat mangsa yang tertimbus. Mungkin sudah ketentuan Allah, anak bongsu perempuan saya itu disahkan meninggal dunia di hospital,” katanya semasa ditemui di kawasan setinggan berhampiran Rumah Pangsa Taman Elok Bukit Nenas, semalam.

Mengulas lanjut, katanya, beliau bertemu anaknya kira-kira pukul 9 pagi semalam semasa melawat ibu bapa dan anak-anaknya sebelum keluar bekerja. Ketika itu, Norain sedang bersarapan mi segera.

Razma berkata, beliau tidak melihat sebarang perubahan terhadap tingkah laku anaknya pada pagi semalam, namun, anaknya itu sangat ceria sejak beberapa hari lalu.

Katanya, beliau reda dengan ujian yang menimpa keluarganya.

Sementara itu, bapanya Botong Jaafar, 57, berkata, sebelum kejadian tanah runtuh itu, beliau berada di ruang tamu melihat empat cucunya sedang bermain selepas selesai makan malam pada pukul 8 malam.